

UJIAN PENCAPAIAN BULAN MEI TAHUN 2016
BAHASA MALAYSIA – PEMAHAMAN (TAHUN 3)

Nama : _____ Bil. : () Skor : _____ %

Kelas : 3 () Masa: 1 jam Tarikh : _____

A Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri dan kata panggilan yang betul. (10%)

puan	beliau	tuanku	mereka	baginda	pak cik	kamu
------	--------	--------	--------	---------	---------	------

- 1 "Biar saya tolong _____ menjinjing bakul ini," kata Chong kepada seorang lelaki tua.
- 2 Encik Karim seorang doktor. _____ bertugas di Hospital Alor Setar.
- 3 "Bagaimanakah keadaan ayah _____?" tanya Kamala kepada Mei Hua.
- 4 Sultan Melaka akan berangkat ke China. _____ akan diiringi oleh Bendahara Tun Perak.
- 5 _____ Siti ialah Bendahari Persatuan Penduduk Taman Berjaya.

B Letakkan imbuhan awalan me- yang sesuai bagi perkataan dasar. (10%)

CONTOH : dengar → mendengar

6	guna	
7	minta	
8	angkat	
9	cegah	
10	korek	

C Bulatkan kata berimbuhan yang sesuai bagi ayat yang berikut. (10%)

- 11 Boleh (pinjaman , pinjamkan) saya buku cerita Sang Kancil itu?
- 12 Doktor Kelvin sedang (merawat , terawat) pesakit di hospital.
- 13 Farhana dan Nisya (membantu , bantuan) ibu mereka mengemas rumah.
- 14 Cheongsam yang dipakai oleh Tia itu (semerah , pemerah) biji saga.
- 15 Dua orang pekerja itu sedang (mengecat , bercat) dinding bangunan sekolah.

D Lengkapkan imbuhan apitan ber...an, me...kan, me...i yang sesuai pada perkataan dalam kurungan. (10%)

- 16 Doktor Vinod meminta Farhana _____ (jalan) pemeriksaan gigi setiap enam bulan.
- 17 Taman permainan kanak-kanak itu terletak _____ (dekat) dengan rumah saya.
- 18 Anak Encik Peter telah berjaya _____ (lanjut) pelajaran ke universiti.
- 19 Puan Sofia mendidik anak-anaknya supaya _____ (hormat) orang tua.
- 20 Kakak menyimpan mainan adik yang _____ (tabur) ke dalam kotak.

E Isi tempat kosong dengan kata hubung gabungan yang sesuai. (10%)

atau	malahan	yang	kemudian	kerana	tetapi	sambil
------	---------	------	----------	--------	--------	--------

21 Bayam bukan sahaja boleh menjadikan tubuh badan kita sihat _____ otak kita lebih cerdas.

22 Vijay suka makan sup ikan _____ sup ayam?

23 Ali pandai bermain bola sepak _____ adiknya kaki bangku.

24 Chong Ming membaca surat khabar _____ mendengar muzik.

25 Baju itu perlu direndam _____ dibasuh supaya bersih.

F Gariskan kata sendi nama yang sesuai. (10%)

dari	kepada	pada	dengan	daripada	kecuali	ke
------	--------	------	--------	----------	---------	----

26 Swee Bee bermain piano _____ setiap han Rabu.

27 Pelancong yang fasih berbahasa Inggeris itu berasal _____ England.

28 Almari itu diperbuat _____ kayu jati yang berkualiti.

29 Guru besar menyampaikan hadiah _____ murid-murid yang cemerlang dalam peperiksaan.

30 Pak Kalang menyapu sampah _____ sebatang penyapu.

6 Bulatkan kata perintah yang sesuai. (10%)

31 " _____ menunggang basikal di tepi jalan raya," kata ibu kepada adik.

(Harap , Jemput , Jangan)

32 " _____ ke rumah saya pada hari Jumaat nanti," kata Sarah kepada Kim Meng.

(Tolong , Jemput , Jangan)

33 _____ kamu dapat siapkan latihan Bahasa Malaysia yang saya berikan ini.

(Jemput , Jangan , Harap)

34 _____ dapatkan borang pendaftaran di meja Cikgu Nepal.

(Minta , Jemput , Harap)

35 _____ beri perhatian semasa guru besar menyampaikan ucapan.

(Harap , Sila , Jangan)

H Isi tempat kosong dengan kata kerja yang sesuai berdasarkan gambar. (10%)

mengambil	menanak	menatang	menunggang	menyalak
menjinjing	mengelap			

36



37



38



39



40



I Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang sesuai. (5%)

ketawa	tinggi	layu	panas	mendung	tampan	usang
--------	--------	------	-------	---------	--------	-------

- 41 Bangunan Bank Negara agak _____
- 42 Bunga ros di dalam pasu itu telah _____ kerana tidak disiram dengan air.
- 43 Susan _____ apabila menyaksikan persembahan badut yang lucu itu.
- 44 Helen berasa sangat dahaga kerana cuaca terlalu _____
- 45 Lelaki yang berbaju kemeja biru itu sungguh _____

J Isi tempat kosong dengan kata tanya yang sesuai. (5%)

Bagaimanakah	Apakah	Siapakah	Mengapakah
Di manakah	Bilakah	Berapakah	

- 46 _____ Hari Kanak-kanak sekolah kamu akan diadakan?
- 47 _____ yang dilantik menjadi ketua pengawas?
- 48 _____ cara membuat kek hari lahir ini?
- 49 _____ kita perlu menceritakan bilik darjah?
- 50 _____ ayah awak beli basikal ini?

K Baca dialog di bawah dan jawab soalan-soalan yang berikut. (10%)

Ah Seng : Selamat pagi, Keat Su.

Keat Su : Selamat pagi.

Ah Seng : Awak sekeluarga pergi ke mana pada hujung minggu lepas?

Keat Su : Kami makan angin di Pulau Langkawi.

Ah Seng : Oh, begitu! Bagaimana dengan percutian awak?

Keat Su : Sungguh seronok. Pulau Langkawi ialah sebuah pulau yang mempunyai pantai yang cantik. Terdapat banyak tempat-tempat menarik di sana. Antaranya ialah Pantai Cenang, Pulau Dayang Bunting, Galeri Perdana dan pelbagai lagi.

Ah Seng : Di manakah keluarga awak menginap?

Keat Su : Kami sekeluarga menginap 3 hari dan 2 malam di Hotel Goldcoast Langkawi. Oh, ya! Ini buah tangan untuk awak. Barang ini saya beli semasa kami melawat ke Makam Mahsuri.

Ah Seng : Terima kasih. Nanti saya boleh menyimpan wang di dalamnya. Saya pulang dulu, nanti kita jumpa lagi.

Keat Su : Baiklah.

51 Ke manakah Keat Su dan keluarganya makan angin?

- A Ke Pantai Cenang
- B Ke Pulau Dayang Bunting
- C Ke Pulau Langkawi
- D Ke Galeri Perdana

52 Pada pendapat anda, bilakah dialog ini berlaku?

- A Sebelum Ah Seng pulang dari berlaku
- B Selepas Keat Su pulang dari bercuti
- C Semasa Keat Su pergi bercuti
- D Sebelum Keat Su pergi bercuti

53 Berapa lamakah Keat Su bercuti bersama keluarganya?

Keat Su bercuti bersama keluarganya selama _____

54 Di manakah Keat Su sekeluarga menginap semasa bercuti?

55 Apakah buah tangan yang dibawa pulang oleh Keat Su kepada Ah Seng?

More from
www.30.com.my
Not for Sale